



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 7 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	TINDAKAN KONSISTEN JAMIN BEKALAN MAKANAN CUKUP, NASIONAL, BH -10 MINISTER DONATES FACE MASKS TO MEDIA, HOME, BORNEO POST (KK)-5 MOA JAMIN BEKALAN CUKUP, BANTU ATASI LAMBAKAN, HARAKAH DAILY -ONLINE HELPING FARMERS AND THE NEEDY BY SALVAGING VEGETABLES, THE STAR -ONLINE PEKEBUN KECIL BERDEPAN MASALAH LAMBAKAN PRODUK TANI KETIKA PKP, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Tindakan konsisten jamin bekalan makanan cukup		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	07 Apr 2020	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	10	ArticleSize	326 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 10,836
Journalist	N/A	PR Value	RM 32,509
Frequency	Daily		



# Tindakan konsisten jamin bekalan makanan cukup



Prof Madya  
Dr Faez  
Firdaus Jesse  
Abdullah  
  
Timbalan Dekan, Fakulti Perubatan  
Veterinar UPM dan Penolong  
Setiausaha Kehormat Persatuan  
Veterinar Malaysia (V.M.)

Rakyat Malaysia lega apabila kerajaan memberi janjian bekalan makanan untuk keperluan semasa mencukupi. Malah, Kementerian Pertdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diarah menantau peningala agar kenaikan harga barang tidak berlaku.

Pertanian ialah proses menghasilkan makanan melalui penanaman, tumbuhan, bantenan, haiwan ternakan dan akuakultur serta penangkapan hasil laut. Pertanian di Malaysia dan serata dunia ialah sektor primier berperanan dalam penstabilan sosial, ekono-

nomi dan ekologi.

Institut Penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa pada 10 Mac lalu menyatakan masyarakat dunia tidak perlu blimbing ketidakcukupan sumber makanan bagi kelangsungan kehidupan harian semasa pandemik COVID-19.

Portal Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyatakan bekalan makanan seperti beras, daging, ikan dan sayur berada pada tahap stabil serta mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bekalan ini ditampung pengeluaran domestik dan import. Hubungan diplomatik melalui dasar luar negara terbukti mustahak bagi kelangsungan bekalan makanan, selain pengeluaran domistik.

Justeru, rakyat Malaysia tidak perlu risau dan hanya perlu akur arahan kerajaan bagi mengekang rantaian penularan COVID-19.

Indeks Global Food Security Index 2018 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-40 daripada

113 negara dan berada pada tahap selamat bagi ketersediaan serta kebolehcapaian kestabilan bekalan makanan.

Lantaran itu, komitmen kerajaan dalam pelaksanaan polisi secara konsisten melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998-2010) dan Dasar Agronomik Negara (2011-2020) memastikan bekalan makanan mencukupi pada waktu getir ini.

Kedua-dua dasar ini meletakkan industri agronomik pada ke tahap produktiviti tinggi dan berdaya saing. Oleh itu, soutikan dalam paket rungsangan ekonomi dalam klusor janjikan makanan yang ditawarkan ialah strategi pihak dan tepat.

Ia bakal meningkatkan penggandaan usaha dalam penghasilan sumber makanan domestik dan kelangsungan keselamatan makanan untuk berada pada tahap stabil.

Perdana Menteri menggunakan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) de-

ngan peruntukan RM1 billion sebagai Dana Janji dan Makanan bagi tujuan kelangsungan rantaian bekalan makanan kepada rakyat supaya bekalan makanan sentiasa mencukupi dan berada pada tahap manjam.

Ini mengelakkkan pembelian panik dan penggondongan stok bekalan makanan. Jika wajid situasi panik, pelaksanaan PKP secara efektif bakal terjejas pembiaran berlaku dan harga bekalan di pasaran membebani rakyat.

Sepanjang tempoh COVID-19, pemantauan berterusan agensi pengawalsusami aman diperlukan bagi memastikan keselamatan dan kecukupan makanan untuk semua.

Oleh itu, tindakan konsisten perlu terus dilaksanakan seperti permerhatian dekat harga pasaran bekalan makanan di lapangan, penyampuran maklumat jelas dan telus, menuadali cara khidmat membantu petani, penternak dan peladang.

Dengan ini, penghasilan produk

pertanian secara berterusan dan peningkatan inovasi penasaran bahan; pertanian dapat dijamin agar bekalan sumber makanan sampai ke rakyat.

Kerjasama kementerian dan industri berkaitan petani, penternak dan nelayan perlu dijujuk kerana mereka 'wira negara' sebagai barisan hadapan dengan mengambil risiko berada di periskutan luar.

Wira negara dalam sektor pertanian ini membekalkan tenaga kerja bagi penghasilan sumber makanan kepada semua lapisan masyarakat.

Usaha ini bagi memenuhi aspek asas kehidupan rakyat sentiasa terjamin dengan membekalkan sumber makanan mencukupi dan mampu diholiki sepanjang waktu pandemik ini.

Seperli kata Perdana Menteri dalam situasi 'berperang' dengan COVID-19, rakyat perlu bekerjasama agar berjaya melepasi keadaan gelir dan meletakkan negara pada landasan cemerlang.

Headline	Minister donates face masks to media		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	07 Apr 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	71 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 198
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 594



## Minister donates face masks to media

**KOTA KINABALU:** Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong has donated 400 pieces of face masks to the media.

Wong said he had been distributing essential goods, including face masks, to the people recently.

But due to the limited supply, he said each household only received limited number of masks.

As frontline workers, Wong said

it was crucial for journalists to take the necessary precautions to protect themselves against Covid-19.

Hence, he hoped that the face masks would ensure media practitioners could work without putting their health or safety at risk.

Wong handed over the masks to Kota Kinabalu Journalists Association (KKJA) chairman Yong

Ted Phen here yesterday.

Yong thanked the minister for his concern towards the wellbeing of the media.

He said the face masks would be distributed to the news organizations over the next two days.

Also present were Political Secretary to the Chief Minister, Nic Chak, and KKJA welfare officer James Tseu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## MOA jamin bekalan cukup, bantu atasi lambakan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) sentiasa memantau dan memastikan bekalan makanan mencukupi di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi memaklumkan, bagi tujuan tersebut pihak MOA telah membuka bilik gerakan khas menjamin keperluan tersebut dipenuhi secukupnya.

Menurut beliau, MOA juga melalui mesyuarat khas bersama EXCO Pertanian Negeri-negeri telah memperincikan kaedah penyelesaian dan pendekatan yang lebih sistematis berkaitan beberapa isu dikenalpasti.

Jelas beliau, ia melibatkan pembekalan, pemasaran dan penghantaran barang makanan, sekali gus membantu petani, penternak dan nelayan dalam memasarkan hasil pertanian mereka bagi memenuhi keperluan pengguna.

Dato' Che Abdullah juga memaklumkan, MOA melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bersetuju membuka pusat jualan barangans segar terkawal di 97 lokasi di seluruh negara bagi tujuan yang sama.

"Sehubungan itu, saya berharap, rakyat jangan khuatir berkaitan bekalan makanan kerana bekalan makanan adalah mencukupi melalui pengeluaran domestik dan juga import.

"Marilah bersama-sama kita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan hadapan, wira Kementerian iaitu petani, penternak, dan nelayan yang sentiasa memastikan bekalan makanan negara kita sentiasa mencukupi.

"Amalkan kebersihan, sentiasa sanitasi, jaga jarak sosial, dan jaga kesihatan anda, makanlah buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, sokonglah produk tani kita. *We stay at work, and you stay at home.* Duduk rumah, jangan keluar. Bersama-sama kita mencegah COVID-19," serunya.

Sementara itu, pihak FAMA turut menyediakan kemudahan pembelian atas talian dan khidmat penghantaran menerusi AgroBazaar Online yang boleh dimuat turun dari aplikasi tersedia di App Store dan Google Play.

Sokongan berkaitan juga dinyatakan Lembaga Pertubuhan Peladang (PPK) bahawa sekiranya berlaku lambakan hasil tuaian, pihaknya akan menjualnya di Kompleks Pasar Segar Terkawal PPK berdekatan serta pasaran lain yang berpotensi membantu petani.

Menteri Kanan (Keselamatan) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob turut menegaskan perkara sama bahawa bekalan makanan dijamin mencukupi sepanjang tempoh PKP di mana rakyat tidak perlu panik, sebaliknya perlu kekal tenang dan duduk rumah mematuhi arahan.

Bahkan makluman beliau turut diperkuatkan dengan jaminan Majlis Keselamatan Negara bahawa setiap aktiviti yang berkaitan dengan pertanian termasuk seluruh rantaiannya adalah dibenarkan sepanjang tempoh PKP.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2020	THE STAR	ONLINE	

## Helping farmers and the needy by salvaging vegetables



**People observing social distancing when collecting the boxes of vegetables.**

THE news of Cameron Highland farmers facing difficulty in distributing their vegetables during the movement control order (MCO), ultimately having to dispose the harvest, caught the attention of many people.

This resulted in a two-prong approach — addressing people's need for fresh vegetables during this trying time and helping the poor in one swoop.

With the cooperation of Tanah Rata assemblyman Chiong Yoke Kong, Kinrara assemblyman Ng Sze Han arranged for the vegetables to be sold in his constituency at RM40 for a five kilogramme box containing produce such as cucumber, tomato and cabbage.

He said RM30 would go to the farmers and the balance would be handed over to the poor.

"With the MCO, people find it difficult to buy fresh vegetables because a limited number of people are allowed into markets.

"This way, the public can do their part to help the less fortunate," Ng said.

Puchong resident Alex Chan, who helps with deliveries, was surprised with the overwhelming response.

"The hotline kept ringing and before we knew it, 100 boxes of vegetables were sold out within hours.

"When the residents came to pick up their orders, we took safety precautions such as social distancing and putting the money straight into a cash box.

"This project benefits the farmers, the community and the needy, and some even paid RM50," Chan said.

Lake Edge resident Wilson Wang said they did not hesitate to support the move upon hearing of Ng's plan.

"The box has a variety of vegetables and is enough for our consumption," he said.

After news spread on social media, the first batch of boxes were snapped up within hours.

They also received pre-orders for the remaining stock but were now out of supply.

"I am happy to see the overwhelming support and it is good that we can help each other and prevent precious crop from going to waste," Ng said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2020	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

## PEKEBUN KECIL BERDEPAN MASALAH LAMBAKAN PRODUK TANI KETIKA PKP



PETALING JAYA: Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) oleh Putrajaya lebih 2 minggu lalu bagi mengekang wabak Covid-19, memberi kesan langsung kepada pekebun yang menjalankan penanaman kecil-kecilan.

Ishak Othman, 52, yang merupakan petani di Kampung Banjar, Ayer Tawar, Perak berkata, beliau terpaksa bergelut dengan situasi semasa negara sehingga perlu mencari jalan penyelesaian sendiri bagi menjual hasil tanamannya.

"Dahulu tidak ada masalah dari sudut pasaran. Sekarang ini dalam tempoh 2 minggu ini, disebabkan wabak Covid-19, memang ada sedikit masalah dengan pasaran."



"Hasil tanaman tidak boleh dihantar ke Pasar Selayang," katanya kepada FMT.

Perdana Menteri Muhyiddin Yassin sebelum ini mengumumkan, tempoh pelaksanaan PKP dilanjutkan sehingga 14 April disebabkan peningkatan kes positif Covid-19.

Ishak yang menceburkan diri dalam bidang pertanian sejak 2008 dengan mengusahakan tanaman timun dan terung di tanah seluas 3 ekar, berkata ini merupakan kali pertama pendapatannya menurun mencecah hingga 50%.

"Pemborong tidak lagi membeli dengan kadar biasa. Hal ini kerana, mereka juga bimbang tidak dapat menjualnya dan terpaksa mengagih-agihkan tanaman di kedai-kedai runcit sayur berhampiran dengan Setiawan, Perak.

"Sedangkan saya perlu membayar gaji 4 orang pekerja, kos racun, kos baja dan kos penghantaran. Pendapatan juga antara RM200 hingga RM300 selang sehari.

"Bermakna antara RM100 hingga RM150 sehari. Jika dahulu boleh cecah RM400 hingga 500 untuk 2 hari," katanya.

Bagaimanapun, menurut Ishak, masalah bekalan sayur tidak terjual dapat diselesaikan dalam tempoh PKP fasa pertama apabila Putrajaya memberi jaminan pasar-pasar awam seluruh negara tidak ditutup semasa PKP.

"Masalah pasaran sudah semakin baik, tauke juga sudah ambil antara 8 hingga 10 bakul hasil tanaman. Baki sayuran selebihnya, saya sendiri cari kedai-kedai di sekitar sini, untuk letakkan dan jual secara runcit. Ada masa hasil tanaman habis dijual, ada masa tidak," katanya.

### Sukar dapat bekalan baja

Masalah yang dialami Ishak bagaimanapun tidak berakhir apabila beliau sukar mendapatkan bekalan baja, memandangkan kedai baja berhampiran kebunnya menutup sementara operasi mereka dalam tempoh PKP.

"Kedai-kedai di sini tidak lagi menjual jenis baja yang saya perlukan. Menurut mereka, ketika ini lori-lori yang membawa baja tidak lagi dibenarkan untuk menghantar barang ke kedai-kedai. Ia memang menjadi masalah pada saya."

"Saya sendiri runsing daripada mana saya hendak dapatkan baja dalam keadaan sekarang ini. Kalau sudah ada baja tidak ada masalah."

"Apa-apapun, saya sangat berharap supaya kawasan sini tidak dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Jika berlaku, memang bertambah rugi lah saya," katanya.

### Terpaksa jual secara runcit

Seorang lagi petani, Rashidi Salleh, 49, yang mengusahakan tanaman jagung di Kampung Paya Ladang, Chenor, Pahang sejak 3 bulan lalu berkata, harapannya untuk melihat hasil pertama dibeli secara borong lebur sekilip mata dan terpaksa menjualnya secara runcit.



"Pemborong tidak mahu ambil kerana mereka juga takut tidak boleh jual. Jadinya, saya terpaksa jual runcit, jadi keadaan itu susah sedikit, dengan cara ini saya boleh menjual antara 600 tongkol jagung dalam sehari. Sedangkan pengeluaran jagung untuk sehari boleh mencecah antara 1,000 hingga 1,500 tongkol."

"Jual runcit ini tidak sama, kerana kita tidak tahu berapa jualan untuk hari ini dan esok, semuanya bergantung pada nasib dan rezeki."

"Apatah lagi dalam tempoh PKP ini, orang juga tidak ramai untuk keluar dari rumah, jadi memang terjejaslah perniagaan," katanya.

Beliau yang menanam jagung di tanah seluas 4 ekar sudah membelanjakan lebih RM50,000 untuk keseluruhan perbelanjaan di peringkat permulaan, berharap hasil jualan tanamannya dapat memberikan pulangan untuk pusingan kedua tanaman.



"Saya ini baru pertama kali menanam jagung. Modal memanglah agak besar untuk peringkat permulaan kerana saya membelanjakan wang untuk kerja cuci tanah, ratakan tanah, pemasangan paip air, benih dan sebagainya. Tetapi tidak tahu pula jadi begini," katanya.

Rashidi berkata, berdasarkan pengalaman rakan-rakannya sebelum PKP, mereka boleh menjual sehingga 2,000 tongkol sehari kepada pemborong. Namun, semasa tempoh PKP, amat sukar untuknya menjual sehingga 1,000 tongkol sehari.

"Sebenarnya kalau ikut dalam keadaan biasa, memang tidak ada apa-apa isu. Sebelum menanam, saya juga ada buat survey, berdasarkan pemerhatian

memang tidak ada masalah dari sudut penjualan, bahkan pemborong juga tidak ragu-ragu untuk ambil hasil tanaman.

"Ketika ini, kalau ada pemborong yang berminat untuk membeli, mereka pula tawarkan dengan harga yang amat murah.

"Sekiranya saya bersetuju untuk jual kepada pemborong berkenaan, saya pula yang jadi rugi, saya tidak mahulah macam itu," katanya.

Jelasnya, tidak dinafikan terdapat beberapa agensi kerajaan berusaha membantu perniagaannya, namun beliau tidak dapat melakukan apa-apa kerana terdapat kekangan logistik dan permintaan dalam tempoh PKP.

"Saya berterima kasih kepada jabatan kerajaan kerana turut mempromosikan hasil tanamannya. Memang ada pembeli yang hubungi tetapi masalah lain pula yang timbul, kerana dalam tempoh PKP ini, pembeli lebih berminat untuk penjual hantar barang hingga ke rumah.

"Macam saya ini di Chenor, dapat mesej dari Maran, Kuantan dan lain-lain, macam mana saya hendak hantar. Macam tidak komersial dan tidak berbaloi apabila pembeli hanya beli jagung untuk nilai RM20 tetapi saya kena hantar 40km," katanya.

Ditanya, apakah yang akan dilakukan bagi memastikan kelangsungan hasil tanamannya terjual dalam tempoh 14 hari lagi, Rashidi berkata beliau akan terus berusaha untuk menjual hasil tanamannya secara runcit dan berharap ada pemborong yang membeli jagungnya walaupun sedikit.

"Inilah cabaran yang perlu saya hadapi, walaupun dalam keadaan begini saya berharap dapat habiskan jualan," katanya. - FMT